BALACHANDAR A/L PALANYSAMY

lwn.

ASIATIC DEVELOPMENT BERHAD & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
DATUK WIRA HJ. MOHD NOOR BIN HJ. AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. 23-6-91]
24 DISEMBER 1994

TORT: *Kemalangan jalanraya - Tuntutan gantirugi - Liabiliti dan quantum - Samada defendan cuai - Samada wujud sumbangan kecuaian di pihak plaintif.*

Ini adalah tuntutan gantirugi oleh plaintiff atas kecederaan yang dialami akibat satu kemalangan jalanraya di antara motosikal yang ditunggangnya dengan motovan yang dipandu oleh defendan kedua sebagai egen defendan pertama. Plaintif bekerja sebagai penoreh getah dengan purata pendapatan sebanyak RM550 sebulan. Selain itu plaintif juga menternak lembu dan kambing dan dari pekerjaan tersebut memperolehi pendapatan tambahan RM1120 sebulan.

Fakta kes menunjukkan bahawa akibat kemalangan tersebut plaintif mendapat beberapa kecederaan serius, termasuk kecederaan kepada kedua-dua belah tangan dan kaki, pendarahan dikepala, serta kecederaan-kecederaan lain yang meninggalkan sebilangan parut di beberapa bahagian badannya. Kedua-dua pihak memberikan versi yang bertentangan bagaimana kemalangan tersebut terjadi. Dihadapan Yang Arif Hakim, isu yang berbangkit menyentuh kedua-dua perkara liabiliti dan quantum.

Diputuskan:

[1] Versi yang diberikan oleh plaintif tentang bagaimana kemalangan tersebut berlaku adalah lebih munasabah. Akan tetapi keterangan dari rajah kasar menunjukkan juga bahawa plaintif telah menunggang motosikalnya dengan memakan jalan defendan sedikit. Oleh itu liabiliti dibahagikan 80% kepada defendan dan 20% kepada plaintif.

[2] Bagi gantirugi am awad sebanyak RM307,990 adalah munasabah dan diberikan, terdiri dari perkara-perkara berikut:

(i) RM2000 bagi pendarahan dikepala.

(ii) RM40,000 bagi kecederaan di tangan kanan.

(iii) RM15,000 bagi kecederaan di tangan kiri.

(iv) RM40,000 bagi kecederaan dikaki kanan.

(v) RM14,000 bagi kecederaan di kaki kiri.

(vi) RM10,000 bagi parut-parut.

(vii) RM15,000 bagi "reactive depression".

(viii) RM127,890 bagi kehilangan pendapatan selepas bicara (RM870 x 147 bulan).

(ix) RM44,100 bagi kemudahan hospital atau nursing care selepas bicara (RM300 x 147 bulan)

[3] Bagi gantirugi khas, awadnya ialah sebanyak RM 77,739.20 merangkumi perkara-perkara berikut:

(i) RM3029 bagi gantirugi yang dipersetujui dan terbukti.

(ii) RM59,400 bagi kehilangan pendapatan sebelum bicara (RM1320 x 45 bulan).

(iii) RM13,500 bagi kemudahan hospital sebelum bicara (cth. RM300 x 45 bulan).

(iv) RM1810.20 seperti yang terbukti dalam item 54 & 55 lampiran (38).

[4] Berdasarkan kepada agihan liabiliti 80% dan 20%, plaintif adalah berhak kepada gantirugi keseluruhan sebanyak RM308,583.36. Plaintif juga berhak kepada faedah sebanyak 8% setahun atas gantirugi am sebanyak RM108,800 dari tarikh penyerahan writ dan sebanyak 4% setahun atas gantirugi khas sebanyak RM62,191.36 dari tarikh kemalangan, kedua-duanya hingga ke tarikh penghakiman diberi. Juga bagi semua awad faedah diberi sebanyak 8% setahun dari tarikh penghakiman hingga bayaran selesai dibuat.

[Penghakiman sekadarnya].

Bagi pihak plaintif - Raghbir Singh; T/n. Raghbir Singh Gill & Co.
Bagi pihak defendan - Ng Chee Seng; T/n. Murphy & Dunbar

PENGHAKIMAN

Hj. Mohd Noor bin Hj. Ahmad H:

Tuntutan gantirugi am dan gantirugi khas dibuat oleh plaintif akibat kemalangan jalanraya yang berlaku pada 8 Mac 1991 di Batu 23 jalan Tebong Melaka antara motosikal No. MS 4170 yang ditunggang oleh plaintif dari arah Kuala Sungga dan motovan No. BCJ 4963 yang dipandu oleh defendan dari arah yang bertentangan, iaitu dari arah Tebong.

Terdapat dua versi bagaimana kemalangan itu berlaku. Plaintif berkata ketika ia sampai di selekoh itu motovan yang dipandu oleh defendan datang dari arah bertentangan dengan laju dan memakan jalan plaintif sepenuhnya sehingga sampai ke bahu jalan sebelah kiri jalan plaintif dan terus malanggar motosikal plaintif. Plaintif brek motosikalnya untuk mengelak perlanggaran tetapi tidak berjaya. Defendan pula berkata kemalangan itu berlaku ketika ia hendak masuk selekoh itu di mana plaintif, semasa lepas mengambil selekoh itu, hendak mengelak sekawan kambing yang sedang melintas jalan dari kiri ke kanan telah memakan jalan defendan melebihi tengah jalan laluan defendan tetapi belum lagi masuk ke bahu jalan sebelah kiri jalan defendan dan kemudian telah patah balik ke jalan plaintif. Ketika plaintif mengelak sekawan kambing itu, dari jarak 40 kaki lagi defendan brek dengan kecemasan tetapi perlanggaran berlaku juga ketika motovan defendan sudah dalam keadaan berhenti dan motovan defendan berhenti lebih kurang 5-6 kaki dari tempat perlanggaran. Mengikut defendan, akibat perlanggaran itu plaintif dan motosikalnya telah tercampak ke tengah jalan di hadapan motovannya.

Oleh sebab terdapat dua versi yang amat berlainan, saya terpaksa berpandu kepada keterangan berasingan, seperti rajah kasar dan kerosakan-kerosakan kepada kenderaan-kenderaan yang terlibat. Pendapat-pendapat saya atas fakta-fakta yang diteliti adalah seperti berikut:

(1) Memandangkan kepada kedudukan motosikal, calar-calar berdekatan dengan motosikal itu dan tompok darah serta serpihan kaca (Lampiran (38) @ 43 G, *J* dan I), perlanggaran berlaku berdekatan dengan tengah-tengah jalan itu, iaitu berhampiran dengan garisan putih pembahagi jalan (berputus-putus). SP1 pegawai penyiasat berkata calar-calar itu

tidak kena mengena dengan kemalangan itu sebab calar-calar itu dalam sangat, jelas dan terang. Saya tidak percaya kata SP1 kerana alasan yang diberi olehnya merupakan pendapatnya semata-mata memandangkan bahawa calar-calar itu yang berada hanya 4 kaki dari motosikal itu adalah bermula dari garisan putih dan terus selari ke arah motosikal itu.

(2) Kerosakan besar motovan itu adalah di sebelah kiri hadapan manakala mosotikal pula di bahagian hadapan.

Liabiliti

(1) Sekiranya perlanggaran berlaku berhampiran dengan garisan putih berputus-putus dan kerosakan besar motovan itu di sebelah kiri hadapan dan memandangkan bahawa lebar motovan adalah 5 kaki (laitu mengikut rajah kasar B ke C 9 kaki - C ke M 3 kaki - B ke L 1 kaki) saya berpendapat bahawa sudah tentu defendan telah memakan jalan plaintif sepertimana dikatakan oleh plaintif itu. Versi defendan itu amat sukar hendak dipercayai kerana

(i) Defendan berkata bahawa perlanggaran berlaku ketika plaintif patah balik ke jalan plaintif dan motorvan berhenti lebihkurang 5-6 kaki dari tempat perlanggaran. Ini langsung tidak boleh diterima kerana mengikut rajah kasar motovan berada lebihkurang 1 kaki dari tepi jalan (B ke L), dan jikalau kata defendan itu betul besar kemungkinan yang perlanggaran akan berlaku di bahagian tengah hadapan motovan itu dan bukan di sebelah kiri hadapannya. Juga, defendan berkata plaintif ketika memakan jalan defendan tidak langsung sampai ke tepi jalan kiri defendan. Sekiranya ini betul ketika plaintif hendak patah balik ke jalan plaintif sudah tentu plaintif terpaksa sampai ke bahu jalan kiri defendan.

(ii) Defendan berkata bahawa selepas perlanggaran plaintif dan motosikalnya tercampak ke tengah jalan di hadapan motovan defendan yang masih bergerak sehingga 5-6 kaki ke hadapan sebelum berhenti. Jikalau itu benar, mungkin besar akan berlaku perlanggaran sekali lagi antara motovan dan motosikal atau plaintif dan sudah tentu akan terdapat lain-lain kerosakan pada motovan defendan, khususnya di bahagian hadapan sebelah kanan.

(iii) Defendan berkata bahawa ia brek dengan kecemasan ketika ia nampak plaintif cuba mengelak sekawan kambing itu dari jarak 40 kaki. Jikalau itu benar, sudah tentu akan terdapat kesan brek dalam rajah kasar; akan tetapi fakta ini tidak terdapat dalam rajah kasar dan SP1 tidak disoal tentangnya.

(2) Memandangkan kepada apa yang saya katakan tadi, saya dapati versi plaintif adalah lebih menasabah. Akan tetapi berasaskan kepada hakikat bahawa calar-calar (tanda J dalam rajah kasar) yang mungkin besar dicalarkan oleh motosikal plaintif akibat perlanggaran itu yang bermula sedikit dari laluan defendan, saya berpendapat plaintif juga telah memandu motosikalnya dengan memakan jalan defendan sedikit. Oleh itu, terdapat juga sumbangan cuai dari plaintif.

(3) Dengan ini, saya bahagikan liabiliti seperti berikut:

Defendan 80% dan plaintif 20%.

Gantirugi Am

Saya membuat awad seperti berikut:

1) Pendarahan di kepala cerebral concussion superficial laceration wounds on right forehead and cheek toilette and sutured - sebanyak RM2,000

2) Kecederaan tangan kanan.

Closed comminuted fracture right radial head. - excision of radial head. Closed segmental fracture right ulna and comminuted fracture right olecranon - rush nail right ulna.

Closed dislocation right elbow - open reduction and K-wiring.

Closed dislocation right inferior radio ulnar joint - manipulation and reduction.

Traumatic amputation right ring finger at midshaft terminal phalanx - bone nibbling and stump refashioning - sebanyak RM40,000

3) Kecederaan tangan kiri.

Closed fracture midshaft left radius with dislocation inferior radio ulnar joint - open reduction and dynamic compression plating - sebanyak RM15,000

4) Kecederaan kaki kanan.

Compound comminuted fracture lower third femur - Dynamic condylar screw. K-wiring and bone grafting done. Compound comminuted fracture right Patella - sebanyak RM40,000.

5) Kecederaan kaki kiri.

Compound fracture midshaft left tibia - manipulation and reduction - full length plaster of paris cast applied - sebanyak RM14,000

6) Parut-Parut.

Small Multiple Scars - Right Forehead
6.0cm Scar - Right Cheek
2.0cm Scar - Chin
Abrasion Scars - Chest
27.0cm Scar - Right Elbow, Porearm Laterally
18.0cm Scar - Right Elbow Posteriorly
9.0cm Scar - Left Forearm
11.0cm Scar - Left Iliac Crest
32.0cm Scar - Right Thigh, Knee & Leg
2.0cm Scar - Left Knee
2.0cm Scar - Left Shin - sebanyak RM10,000

7) 'Reactive Depression'

(Rujuk dalam (38) @ 13, 17 dan 33) - sebanyak RM15,000

Tentang kehilangan peluang berkahwin, awad tidak dibuat kerana tidak terbukti yang plaintif tidak boleh berkahwin walaupun dalam keadaan cacat.

Gantirugi Khas (Re Lampiran (8) @ 3) *a*

Saya membuat awad seperti berikut

(a) sebanyak RM520)
(b) sebanyak RM150)
(j) sebanyak RM990) sepertimana dipersetujui
(k) sebanyak RM10) *b*
(l) sebanyak RM10)
(c) sebanyak RM1,349 (terbukti dalam lampiran (38) @ 4-9)
(e) Kerugian pendapatan

Terbukti atas imbangan kebarangkalian bahawa pendapatannya sebagai penoreh getah ialah antara RM500 - RM600 sebulan; = RM550 *c*

Terbukti purata pendapatan-pendapatannya sebulan

dari jualan susu lembu (RM25 x 30 hari)	=	RM 750
lembu pada musim-musim perayaan (RM3,000 ÷ 12 bulan)	=	RM 250
kambing pada musim-musim perayaan (RM1,000 ÷ 12 bulan)	=	RM 80
ayam dan telor	=	RM 40
	Jumlah	RM1,670 *d*

Walaupun amaun yang diplid hanya sebanyak RM1,500, saya berpendapat bahawa pendapatan sebenar seperti dikira di atas boleh diambilkira kerana dengan menolak kos pembiayaan binatang dan perbelanjaan hidup dirinya seperti di bawah ini bakinya masih dalam lingkungan amaun yang diplid itu.

(i) kehilangan pendapatan sebelum bicara (pre trial loss) perlu tolak kos membiayai lembu, kambing dan ayam sebanyak RM350 sebulan: *e*

RM1,670 - RM350 = RM1,320 x 45 bulan (dari tarikh kemalangan 8 March 1991 hingga hari ini 24 Disember 1994) = RM59,400

(ii) kehilangan pendapatan selepas bicara (post trial loss) perlu tolak kos membiayai lembu, kambing dan ayam sebanyak RM350 sebulan dan perbelanjaan hidup sebanyak RM450 sebulan *f*

RM1,670 - RM350 - RM450 = RM870 x 147 bulan = RM127,890

Award (ii) hendaklah dicampur dengan gantirugi am.

(f) Kemudahan Hospital (Nursing Care) *g*

Terbukti ia memerlu bantuan seseorang untuk makan-minum, mandi-manda, bersiap, sikat rambut dan menulis kerana tangan kanannya tidak berdaya lagi. Ia biasa mengguna tangan kanan. Dengan mengambilkira yang ibunya yang menjaganya sekarang sudah berumur 59 tahun dan tidak ketepikan kemungkinan yang ia boleh menggunakan tangan kirinya kelak oleh sebab paksaan atau desakan, saya berpendapat bahawa awad purata RM300 sebulan adalah berpatutan dan dikira seperti berikut: *h*

(i) RM300 x 45 bulan (dari tarikh kemalangan hingga tarikh bicara) = RM13,500

(ii) RM300 x 147 bulan = RM44,100

Awad (ii) hendaklah dicampur dengan gantirugi am.

(d), (g) dan (h) - tidak dibuktikan. *i*

(i) sebanyak RM1,810.20 (terbukti dalam Lampiran (38) @ 54 dan 55). Belanja pembedahan tidak diawadkan kerana tidak diplid.

Ringkasan awad

(1) Gantirugi am RM136,000 + RM127,890 + RM44,100 = RM307,990

Gantirugi khas	=	RM 77,739.20
Jumlah		RM385,729.20
Tolak 20% liabiliti		RM 77,145.84
Baki		RM308,583.36

(i) Faedah diberi sebanyak 8% setahun atas gantirugi am sebanyak RM108,800 dari tarikh penyerahan writ dan sebanyak 4% setahun atas gantirugi khas sebanyak RM62,191.36 dari tarikh kemalangan kedua-duanya hingga ke tarikh penghakiman diberi.

(ii) Juga bagi semua awad faedah diberi sebanyak 8% setahun dari tarikh penghakiman hingga bayaran selesai dibuat.

(iii) Kos hendaklah ditaksirkan.